

# KERATAN AKHBAR ONLINE

JUDUL : Utusan Borneo

TARIKH : 5 Ogos 2023

SITASI :

M/S :

KPN terus komited perkasa peranan krt: aaron. (2023, August 5). *Utusan Borneo*. Retrieved August 7, 2023, from <https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/05/kpn-terus-komited-perkasa-peranan-krt-aaron>.

**Utusan  
Borneo**

## KPN terus komited perkasa peranan KRT: Aaron

2023-08-05T18:38:12+08:00



Aaron (tengah) dan Dr Abdul Rahman melakukan simbolik perasmian Program Berambeh di Kampung Santubong: 'Santuni Warisan Kita' hari ini. - Gambar Penerangan

KUCHING: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) terus komited memperkasakan peranan Kawasan Rukun Tentangga (KRT) peringkat akar umbi menerusi kerjasama kementerian dan agensi berkaitan.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, penubuhan jawatankuasa tertentu dalam KRT akan bertindak sebagai penggerak kepada pelaksanaan aktiviti berfokuskan kepada isu-isu dan penyelesaian masalah setempat.

Malah, ia bersesuaian dengan kumpulan sasar masing-masing serta memberikan perkhidmatan yang lebih menyeluruh terhadap keperluan dan kehendak semasa komuniti di setiap kawasan.

Justeru, Aaron berkata KPN mengadakan program termasuk Program Berambeh di Kampung Santubong: 'Santuni Warisan Kita'.

"Program ini adalah salah satu contoh program komuniti di peringkat KRT yang menjadi tapak interaksi sosial pelbagai kaum yang turut melibatkan jentera-jentera perpaduan di seluruh negara.

"Saya ingin menyeru kepada semua masyarakat agar dapat menghayati konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan mengamalkan nilai toleransi dalam membina masyarakat MADANI yang bersatu padu dan berdaya saing.

"Kementerian Perpaduan Negara akan terus menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sehingga ke peringkat akar umbi merentasi agama, etnik dan budaya dalam usaha mempromosi perpaduan pelbagai kaum," katanya.

Beliau berkata demikian berucap merasmikan Program Berambeh di Kampung Santubong: 'Santuni Warisan Kita' di Santubong, hari ini.

Program itu merupakan salah satu pengisian sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023 yang telah berlangsung selama enam hari bermula pada 31 Julai lepas di Kuching.

KPN katanya, melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) memilih Kampung Santubong sebagai lokasi untuk menyemarakkan semangat perpaduan.

Ia melalui aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti tempatan dan aktiviti permuziuman di samping mewujudkan jaringan kerjasama yang erat dalam kalangan warga muzium di seluruh Malaysia.

Antara pengisian program ini adalah seperti gotong royong, sumbangan Bakul Rahmah, sumbangan buku kepada Perpustakaan Desa Kampung Santubong, pameran, pemeriksaan kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, jualan produk-produk tempatan, pertandingan mewarna kanak-kanak dan banyak lagi aktiviti kemasyarakatan yang lain.

Dua lokasi dipilih bagi aktiviti gotong-royong iaitu Masjid Nurir Rahmani dan Dewan JKKK Kampung Santubong yang dilaksanakan bersama masyarakat tempatan dan warga muzium.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi, Ketua Setiausaha KPN Datuk Indera Noridah Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Datuk Kamarul Baharin A.Kasim, Pengarah Jabatan Muzium Sarawak Nancy Jolhi dan Penghulu Kampung Santubong, Suhaili Kipli.

Program itu turut dihadiri oleh seramai 200 kontingen yang mewakili muzium-muzium negeri dan institusi seluruh negara serta 300 penduduk Kampung Santubong.